



LEMBAGA PELABUHAN KELANG
Beg Berkunci 202, Jalan Pelabuhan Utara,
42005 PELABUHAN KLANG.
Tel: 603-31688211 Faks : 03-31687626
Laman Web : www.pka.gov.my

BORANG PERMOHONAN SURAT SOKONGAN BAGI PENGAMBILAN PEKERJA ASING DI PELABUHAN KLANG

1. Permohonan adalah terbuka kepada Operator Pelabuhan, Operator Gudang, Operator On-Dock Depot, Pembekal Perkhidmatan Sampingan yang dilesenkan atau menandatangani perjanjian pajakan dengan Lembaga Pelabuhan Kelang / Operator Pelabuhan yang mana beroperasi dalam premis pelabuhan sahaja.
2. Borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap menggunakan **HURUF BESAR**.
3. Dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan:
 - a. *SSM Corporate Information* ; **dan**
 - b. Lesen Operasi yang sah oleh Lembaga Pelabuhan Kelang; **atau**
 - c. Perjanjian Sewa Pajak bersama LPK / Operator Terminal yang disetemkan; **dan**
 - d. Invois Pengendalian – 3 bulan terkini.; **dan**
 - e. Senarai Kapal 3 bulan terkini. (Jika perlu); **dan**
 - f. Senarai maklumat pekerja terkini; **dan**
 - g. Senarai Jentera (Jika perlu)
4. Borang permohonan yang telah lengkap diisi berserta dengan dokumen sokongan perlu dimajukan kepada Jabatan Pusat Sehati (Lembaga Pelabuhan Kelang).
5. Pemohon dikehendaki mematuhi segala syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Lembaga Pelabuhan Kelang dan sekiranya gagal segala kelulusan akan dibatalkan serta-merta.
6. Pihak Lembaga Pelabuhan Kelang berhak untuk meminda atau menambah apa-apa syarat berkaitan dengan permohonan ini jika difikirkan perlu.
7. Untuk sebarang pertanyaan berkaitan permohonan ini, sila hubungi:

En. Mohd Azuan bin Mohamad Paudzi
Jabatan Pusat Sehati
Tel : 603-31688211 Samb. 2039

En. Mohd Syafiq bin Mohd Sukri
Jabatan Pusat Sehati
Tel : 603-31688211 Samb. 2037

(E) PENGAKUAN PEMOHON

Saya/Kami mengaku bahawa segala maklumat yang diberikan di dalam borang ini termasuk dokumen yang disertakan adalah benar dan betul. Saya/Kami juga akan mematuhi segala syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Lembaga Pelabuhan Kelang, Akta serta undang-undang yang berkuatkuasa dan sebarang pindaan dari semasa ke semasa.

Saya/Kami memahami sekiranya ada di antara maklumat ini didapati palsu dan/ atau saya/ kami melanggar mana-mana undang-undang, peraturan dan syarat, permohonan saya/kami tidak akan dipertimbangkan dan kelulusan yang telah diberikan akan ditarik balik.

TANDATANGAN PEMOHON

COP RASMI SYARIKAT

TARIKH

NAMA :

NO. KP:

(F) UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

ULASAN :

DISEMAK OLEH :

(COP RASMI DAN TANDATANGAN)

DILULUSKAN OLEH:

(COP RASMI DAN TANDATANGAN)

TERMA DAN SYARAT PERMOHONAN SURAT SOKONGAN BAGI PENGAMBILAN PEKERJA ASING DI PELABUHAN KLANG

1. Hanya dibenarkan bekerja di dalam premis pelabuhan sahaja dan dilarang sama sekali bekerja di luar premis pelabuhan.
2. Jenis perkhidmatan yang dibenarkan bagi pengambilan pekerja asing di premis pelabuhan adalah seperti di lampiran 1.
3. Pekerja Asing sentiasa diselia oleh Penyelia warganegara Malaysia.
4. Dilarang bekerja atau memasuki kawasan larangan seperti stesen pencawang elektrik, stesen pam air dan pusat kawalan trafik kapal di dalam premis pelabuhan.
5. Sentiasa memakai Pas Pelabuhan yang sah dan mempunyai salinan Permit yang sah semasa menjalankan kerja di premis pelabuhan.
6. Menghadiri Taklimat Keselamatan Pelabuhan yang dikendalikan oleh Operator Pelabuhan dan memahami segala aspek keselamatan yang perlu dipatuhi.
7. Lulus proses 'e-Vetting' oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia dalam masa yang ditetapkan.
8. Mematuhi segala Undang-Undang Malaysia yang berkaitan dan Peraturan-Peraturan yang ditetapkan oleh Lembaga Pelabuhan Kelang dan Operator Pelabuhan.
9. Majikan bertanggungjawab ke atas sebarang kejadian yang mengakibatkan kerosakan harta benda/aset pelabuhan, keselamatan pelabuhan dan lain-lain disebabkan pekerja asing yang bekerja di bawah nama Syarikat majikan.
10. Lembaga Pelabuhan Kelang / Operator Pelabuhan berhak menarik balik Pas Pelabuhan pada bila-bila masa sekiranya gagal mematuhi mana-mana syarat yang ditetapkan. Sekiranya, Pas Pelabuhan ditarik balik maka pihak Lembaga Pelabuhan Kelang akan maklumkan Kementerian Dalam Negeri untuk membatalkan permit kerja pekerja yang terlibat.

JENIS PERKHIDMATAN DI PELABUHAN KELANG**1. PACKING/ UNPACKING**

- Memunggah/ memuat barang dari / ke kontena.
- Penyusunan barang / bungkusan bagi tujuan eksport.
- Pembersihan barang / bungkusan yang rosak / pecah semasa proses pembungkusan.
- Melabelkan barang / bungkusan sebelum dieksport.
- "Palletize" barang / bungkusan sebelum dimasukkan ke dalam kontena.
- "Transloading" kontena bagi tujuan pindah kapal.

Nisbah Kelulusan : **20 TEUs Sebulan : 1 pekerja**

2. LASHING/ UNLASHING

- Mengangkut / mengendalikan alat-alat berkaitan lashing / unlashing di atas kapal. (contoh: lashing bar, tali dan rantai).
- Memasang "twist lock" sebelum kontena dimuat naik ke atas kapal.
- Memasang / membuka "lashing bar" kontena-kontena di atas kapal.

Nisbah Kelulusan : **900 TEUs Sebulan : 1 pekerja**

3. PENGENDALIAN KARGO PUKAL (DRY / BREAK / LIQUID BULK) / TRIMMING

- Memasang alat untuk memunggah / memuat naik kargo.
- Menjalankan kerja-kerja pemunggaan /pemuatan kargo.
- Membersihkan kawasan dermaga / peralatan selepas pemunggaan / pemuatan selesai.
- Membuat kerja-kerja "trimming" di gudang ataupun di atas kapal.

Nisbah Kelulusan : **2,000 MT Sebulan : 1 pekerja**

4. PEMBEKALAN KEPERLUAN KAPAL

- Penyusunan barang di stor sebelum pembekalan.
- Mengangkut barang dari stor dan membekalkan ke kapal
- Pengutipan barang dari kapal dan menyimpan di stor (Transshipment)

Nisbah Kelulusan : **1 Kapal Sebulan : 1 pekerja**

SKOP KERJA SUB SEKTOR PERKHIDMATAN PENGENDALIAN KARGO DI PELABUHAN KELANG

5. PEMBEKALAN JENTERA PUNGGAH / KREN / KONVEYOR

- Memasang alat-alat yang bersesuaian ke atas jentera panggah sebelum memunggah kargo.
- Membantu mengendalikan alat-alat pemunggahan kargo semasa operasi dijalankan.

Nisbah Kelulusan : **1 Jentera : 4 pekerja**

6. STEVEDORING

- Memasang alat-alat untuk memunggah / memuat naik kargo dari / ke kapal.
- Mengikat / menyusun kargo sebelum memunggah / memuat naik kargo dari / ke kapal.
- Memunggah / memuat naik kargo dari / ke kapal secara manual (jika perlu).

Nisbah Kelulusan : **1,000 MT Sebulan : 1 pekerja**

7. PEMBUANGAN SISA BUANGAN KAPAL

- Pengumpulan sisa buangan (sampah) di atas kapal.
- Memasang / membuka jaring/sling semasa memunggah sisa buangan dari kapal.
- Menjalankan kerja-kerja pelupusan di tapak pembuangan sampah.

Nisbah Kelulusan : **1 Kapal Sebulan : 1 pekerja**

8. ON-DOCK DEPOH

- Pencucian / pembaikan kontena kosong.
- Menjalankan kerja-kerja penyusunan kontena kosong.
- Mengecat Kontena.

Nisbah Kelulusan : **250 TEUs Sebulan : 1 pekerja**